

Melestarikan hutan paya bakau

Delta Kelantan bakal diwartakan

Oleh HAPIZAH AZIZ

utusankelantan@utusan.com.my

TUMPAT 15 Nov. – Delta Kelantan merupakan ekosistem Hutan Paya Laut yang terpenting bagi negeri ini yang mempunyai sumbangan tersendiri dalam aspek kehidupan sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Ini merupakan suatu ekosistem peralihan antara darat dan laut yang saling berinteraksi, yang antara lain menstabilkan tanah, melindungi pantai dari amukan gelombang laut dan redahan arus.

Ini juga kawasan kondusif yang melindungi organisma tertentu seperti udang, ikan, siput dan kerang-kerangan yang menyajikan sumber makanan di samping pusat pembiakan dan pemuliharaan bagi spesies terancam.

Selain itu, ia dapat membekalkan bahan kayu arang bermutu tinggi dan ceracak bagi kerja binaan di samping mempunyai fungsi artistik dengan sajian pemandangan di samping menggerakkan aktiviti rekreasi atau riadah.

Masyarakat akan terhibur ketika menikmati indahnya panorama rumpun bakau dengan komposisi flora dan faunanya yang tersusun rapi di bibir pantai.

Justeru kepentingan itulah juga, pada tahun 2000-2004, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan melaksanakan projek perintis pemuliharaan kawasan berkenaan dan menjadikannya sebagai program menyedar dan mendidik anggota masyarakat agar menghayati kewujudannya.

Jabatan itu telah menanam kira-kira 40,000 pokok bakau di Pulau Layang-layang dan Pulau Mas sepanjang tempoh tersebut bagi memperkayakan lagi kawasan Hutan Paya Laut yang tiada koloni bakau.

Penolong Pengarah (Silvikultur dan Perlindungan) Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan, Azmer Mohammad berkata, bagi projek perintis itu, spesies bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) dan bakau minyak (*Rhizophora apiculata*) telah ditanam di kawasan pulau berkenaan.

Sehingga akhir 2008 katanya, sebanyak 176,525 anak bakau kurap dan minyak ditanam di Pulau Kambing, Pulau Bedar dan Pulau Tujuh melibatkan kawasan seluas 82.42 hektar.

Katanya, pertumbuhan anak benih di kawasan berkenaan amat menggalakkan iaitu dengan kadar kehidupan hampir 95 peratus dan terpilih antara projek pemuliharaan terbaik di seluruh negara.



ANAK pokok Bakau Minyak mula berbunga.



ANAK pokok Bakau Minyak.

“Dari segi kehadiran flora, spesies utama yang wujud di kawasan delta itu seperti pokok jeruju (*acrostichum speciosum*), piai raya (*acrostichum aureum*), piai lasa (*acrostichum speciosum*) api-api putih (*avicennia alba*) nipah (*nypa fruticans*) bakau minyak, tumu (*brugueira sp*) berembang (*soneratiuia -caesularis*).

“Sementara itu spesies yang dominan termasuklah ketapang (*terminia catappa*) leban (*vitex pubescens*) dan baru baru laut (*hibiscustiliaceus*,” katanya pada majlis taklimat Program Tanaman Pokok Bakau Delta Ke-



SEBAHAGIAN daripada pelajar menanam pokok bakau dalam program anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan di Pulau Layang-Layang, Tumpat, baru-baru ini.

lantan di Jeti Jabatan Perhutanan di sini baru-baru ini.

Sehingga kini, kawasan berkenaan menjadi habitat utama kepada burung-burung seperti Mangrove Pitta, Mangrove Blue Flycatcher dan Greater Golden-Backed Woodpecker.

Terdapat juga kumpulan burung hijrah (migratory) yang singgah di pulau-pulau itu seperti Great Egret, Plummet Egret, Little Egret, Little Heron, Osprey, Pheasant Tailed Jacana, Wood Sandpiper dan Common Sandpiper’.

Katanya, lain-lain hidupan akuatik seperti

ikan siakap, ikan merah, ikan kerapu, senangin, ikan bawal putih serta pelbagai spesies udang dan ketam juga boleh didapati di kawasan berkenaan.

Dalam usaha memastikan pemuliharaan kelestarian kawasan Hutan Paya Laut itu, Jabatan Perhutanan mengambil tindakan untuk mewartakan kawasan yang sesuai sebagai hutan simpan kekal.

“Langkah itu dapat membantu mengekalkan status kawasan berkenaan dan perancangan pemuliharaan biodiversiti boleh dilaksanakan secara mampan,” katanya.

Selain itu katanya, penyelidikan rancangan pengurusan Hutan Paya Laut itu juga diadakan dengan Universiti Malaysia Terengganu.

Katanya, sebuah bangunan pemuliharaan bakau berserta jeti telah dibina di Jeti Jabatan Perhutanan di Taman Tengku Mahkota di Tumpat dan siap pada 2008 dengan peruntukan lebih RMI juta.

“Infrastruktur itu penting untuk pusat kawalan tanaman bakau dan spesies lain di persisiran pantai Tumpat itu. Semua usaha ini tepat pada masanya bagi meningkatkan kualiti pemuliharaan,” katanya.